



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

ISNIN, 26 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>WOMEN'S RIGHTS CONFERENCE 2024 IN MALAYSIA HIGHLIGHTS FEMALE REPRESENTATION URGENCY</b>	
	<a href="https://bnnbreaking.com/politics/breaking-barriers-the-push-for-greater-female-representation-in-malaysian-politics">https://bnnbreaking.com/politics/breaking-barriers-the-push-for-greater-female-representation-in-malaysian-politics</a>	BNNBREAKING.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>RERUAI KEMENTERIAN JADI PILIHAN PENGUNJUNG, DAPAT MAKLUMAT JELAS INISIATIF KERAJAAN</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2273292">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2273292</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2273291">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2273291</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/25/photo-gallery-govt-booths-draw-crowds-at-central-zone-madani-rakyat-programme">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/25/photo-gallery-govt-booths-draw-crowds-at-central-zone-madani-rakyat-programme</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://selangorjournal.my/2024/02/government-booths-attract-visitors-at-central-zone-madani-rakyat-programme/">https://selangorjournal.my/2024/02/government-booths-attract-visitors-at-central-zone-madani-rakyat-programme/</a>	SELANGORJOURNAL.MY
	<a href="https://www.getaran.my/artikel/semasa/56969/reruai-kementerian-jadi-pilihan-pengunjung-dapat-maklumat-jelas-inisiatif-kerajaan">https://www.getaran.my/artikel/semasa/56969/reruai-kementerian-jadi-pilihan-pengunjung-dapat-maklumat-jelas-inisiatif-kerajaan</a>	GETARAN.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN DITERUSKAN BAGI MEMPERKASA WANITA SARAWAK: FATIMAH</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/25/program-pembangunan-usahawan-diteruskan-bagi-memperkasa-wanita-sarawak-fatimah">https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/25/program-pembangunan-usahawan-diteruskan-bagi-memperkasa-wanita-sarawak-fatimah</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://suarasarawak.my/ekonomi-wanita-diperkasa-melalui-pembangunan-usahawan/">https://suarasarawak.my/ekonomi-wanita-diperkasa-melalui-pembangunan-usahawan/</a>	SUARASARAWAK.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>WANITA PBB DIINGATKAN KEKAL FOKUS DALAM PERJUANGAN</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/25/wanita-pbb-diingatkan-kekal-fokus-dalam-perjuangan">https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/25/wanita-pbb-diingatkan-kekal-fokus-dalam-perjuangan</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/02/25/pbb-women-chief-calls-for-all-members-to-stay-updated-on-current-political-situation/">https://www.theborneopost.com/2024/02/25/pbb-women-chief-calls-for-all-members-to-stay-updated-on-current-political-situation/</a>	THEBORNEOPOST.COM.MY
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/state-reclaims-authority-over-environment-from-doe/">https://www.newsarawaktribune.com.my/state-reclaims-authority-over-environment-from-doe/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>PEWARIS PERKASA GOLONGAN WANITA DALAM ASPEK EKONOMI, PENDIDIKAN - AHMAD ZAHID</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pewaris-perkasa-golongan-wanita-dalam-aspek-ekonomi-pendidikan-ahmad-zahid-459729">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pewaris-perkasa-golongan-wanita-dalam-aspek-ekonomi-pendidikan-ahmad-zahid-459729</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/25/pewaris-bakal-ubah-landskap-wanita-seluruh-negara/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/25/pewaris-bakal-ubah-landskap-wanita-seluruh-negara/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/02/25/pewaris-bakal-ubah-landskap-wanita-tpm/">https://malaysiagazette.com/2024/02/25/pewaris-bakal-ubah-landskap-wanita-tpm/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/pewaris-dilancar-jadi-pemangkin-wanita-seluruh-negara/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/pewaris-dilancar-jadi-pemangkin-wanita-seluruh-negara/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2273414">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2273414</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/02/25/pewaris-bakal-ubah-landskap-wanita-tpm/">https://malaysiagazette.com/2024/02/25/pewaris-bakal-ubah-landskap-wanita-tpm/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>'IBU AYAM' MELACURKAN KANAK-KANAK MASIH DISIASAT, REMAN 7 HARI</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1064064/ibu-ayam-melacurkan-kanak-kanak-masih-disiasat-reman-7-hari">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1064064/ibu-ayam-melacurkan-kanak-kanak-masih-disiasat-reman-7-hari</a>	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>'PAK DAK' TAK NGAKU CABUL, LIWAT ANAK SAUDARA DALAM PONDOK</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1216489/pak-dak-tak-ngaku-cabul-liwat-anak-saudara-dalam-pondok">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1216489/pak-dak-tak-ngaku-cabul-liwat-anak-saudara-dalam-pondok</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=qcOOBNphGn0">https://www.youtube.com/watch?v=qcOOBNphGn0</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1064128/sub-kontraktor-didakwa-liwat-cabul-anak-saudara">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1064128/sub-kontraktor-didakwa-liwat-cabul-anak-saudara</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=rTAKLvFuSE">https://www.youtube.com/watch?v=rTAKLvFuSE</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>SUAMI ISTERI DITAHAN, BANCUH SUSU BAYI DENGAN AIR SYABU</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1216478/suami-isteri-ditahan-bancuh-susu-bayi-dengan-air-syabu">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1216478/suami-isteri-ditahan-bancuh-susu-bayi-dengan-air-syabu</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/02/1063977/bancuh-susu-bayi-guna-cecair-syabu">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/02/1063977/bancuh-susu-bayi-guna-cecair-syabu</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/25/bayi-nyaris-maut-ibu-tersilap-bancuh-susu-guna-cecair-syabu/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/25/bayi-nyaris-maut-ibu-tersilap-bancuh-susu-guna-cecair-syabu/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/02/25/bayi-16-bulan-diberi-minum-susu-bancuhan-air-syabu/">https://malaysiagazette.com/2024/02/25/bayi-16-bulan-diberi-minum-susu-bancuhan-air-syabu/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=Q6oPI8J4QTM">https://www.youtube.com/watch?v=Q6oPI8J4QTM</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>BAYI MINUM SUSU DIBANCUH CECAIR SYABU PULIH, DALAM JAGAAN NENEK</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1064112/bayi-minum-susu-dibancuh-cecair-syabu-pulih-dalam-jagaan-nenek">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1064112/bayi-minum-susu-dibancuh-cecair-syabu-pulih-dalam-jagaan-nenek</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-malang-diberi-minum-susu-syabu-sudah-keluar-hospital/">https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-malang-diberi-minum-susu-syabu-sudah-keluar-hospital/</a>	BULETINTV3.MY



## Women's Rights Conference 2024 in Malaysia Highlights Female Representation Urgency

Discover the impactful conversations and calls to action from the Women's Rights Conference 2024 in Malaysia, addressing the critical issues of female political representation and the collective efforts towards gender equality.



Geeta Pillai

24 Feb 2024 18:49 EST

Updated On 24 Feb 2024 19:37 EST



Follow Us



Women's Rights Conference 2024 in Malaysia Highlights Female Representation Urgency

As the morning sun cast a golden hue over the vibrant city of Kuala Lumpur, a gathering of minds at the Women's Rights Conference 2024 signaled a pivotal moment in the ongoing struggle for gender equality in Malaysia. Hosted by the Bar Council Women's Rights Committee, the conference brought together influential figures, including Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri, Seputeh MP Teresa Kok, Malaysian Bar president Karen Cheah Yee Lynn, and United Nations Resident Coordinator Karima El Korri. Their unified message was clear: the underrepresentation of women in the Malaysian Parliament is a pressing issue that demands immediate action.

Amid the charged atmosphere of the conference, **Datuk Seri Nancy Shukri** delivered a sobering statistic: only 28 out of 222 members of the Malaysian Parliament are women. This figure falls short of the targeted 30% representation, highlighting a significant gap in gender equality within the nation's political landscape. Echoing this sentiment, **Teresa Kok** underscored the challenges inherent in the current political system, which acts as a formidable barrier to increasing women's representation.

### Voices for Change

The discourse at the conference was not limited to the identification of problems. **Karen Cheah Yee Lynn** and **Karima El Korri** spoke passionately about the necessity of breaking barriers for women in leadership positions. Their contributions to the dialogue underscored a collective aspiration for a future where women's participation in politics and decision-making roles is not an exception but a norm. The backdrop to this conversation was Malaysia's ranking in the World Economic Forum Global Gender Gap Report, where the country stands at 102 out of 146, reflecting a significant disparity in both political representation and labor participation rates.

The consensus among speakers was that achieving greater equality in the political arena requires a concerted effort from all sectors of society. The call for a 30% quota for women candidates in elections represents a tangible step towards rectifying the current imbalance. However, as highlighted during the discussions, legislative and systemic changes are imperative to create an enabling environment for women's increased political engagement. This includes revising laws and election systems that currently hinder the progress towards gender parity in politics.

In a world where the fight for gender equality continues to gain momentum, the Women's Rights Conference 2024 in Malaysia stands as a testament to the power of collective action and dialogue. While the road ahead is fraught with challenges, the resolve and commitment demonstrated by the conference's participants offer a beacon of hope for a more inclusive and equitable political landscape in Malaysia.



## RERUI KEMENTERIAN JADI PILIHAN PENGUNJUNG, DAPAT MAKLUMAT JELAS INISIATIF KERAJAAN



Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) KPKM Maturuni Tukiman menerangkan kepada belia mengenai Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) yang berlandaskan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang ditawarkan oleh B15 pusat bertauliah di seluruh negara.

25/02/2024 10:00 AM

KUALA SELANGOR, 25 Feb (Bernama) – Selain gerai yang menawarkan barangan pada harga murah, rerui pelbagai Kementerian dan agensi turut menjadi pilihan orang ramai di Program MADANI Rakyat Zon Tengah di Kompleks Sukan Kuala Selangor.

Tinjauan Bernama mendapati warga kerja Kementerian terbabit tidak jemu melayan dan memberikan maklumat berhubung inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Perpaduan kepada orang ramai yang kebanyakannya datang ke program itu bersama keluarga.

Hadila Ibrahim, 39, berkata sebagai penjawat awam, beliau sendiri ingin mengetahui lebih lanjut mengenai pelbagai usaha kerajaan untuk membantu rakyat.

"Sebelum ini suami pernah cuba untuk memohon sumbangan Rahmah tapi gagal, jadi hari ini dia datang dan tanya sendiri secara bersemuka dengan petugas di rerui Sumbangan Rahmah, Alhamdulillah mereka memberi penjelasan yang jelas.

"Setakat ini keluarga saya hanya memperolehi bantuan daripada kerajaan Selangor dan dengan adanya program sebegini saya sendiri boleh mengetahui apa bentuk sumbangan yang boleh dimohon," katanya.

Seorang pekerja swasta yang hanya mahu dikenali sebagai Fazlina, 47, berkata beliau mengambil kesempatan untuk bertanyakan tentang proses pengambilan anak angkat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

"Alhamdulillah melalui ruang yang disediakan oleh kerajaan dalam program ini saya boleh bertanya terus kepada JKJ langkah-langkah serta dokumen yang perlu disertakan sewaktu proses pengambilan anak angkat, dengan cara ini saya tidak perlu lagi ke pejabat Kementerian untuk mengetahui maklumat lanjut.

"Selain itu, saya dan keluarga juga mendapat pendedahan yang jelas kewujudan Kementerian dan agensi kerajaan kerana sering kali tertukar dengan beberapa agensi walhal setiap daripada mereka (Kementerian) mempunyai skop tugas yang berbeza," katanya.

Selain itu, usahawan Mazlan Nawawai, 47, yang tinggal di Subang Jaya mengunjungi program berkenaan kerana secara kebetulan berada di kawasan sekitar atas urusan kerja.

"Apabila masuk ke kawasan Kuala Selangor ini saya nampak beberapa kain rentang dan iklan yang memaklumkan tentang Program MADANI Rakyat Zon Tengah ini, saya fikir kenapa tidak hadir sekiranya sudah berada dekat... jadi saya datang dan mahu lihat apa aktiviti yang disediakan.

"Saya tertarik dengan aktiviti yang terdapat pada rerui KPWKM serta tidak melepaskan peluang untuk mendaftar sebagai sukarelawan yang terdapat dalam agensi itu kerana mana tahu, boleh membantu kawasan saya sekiranya berlaku banjir atau bencana lain," katanya.

Program tiga hari sejak Jumaat bermula 9 pagi hingga 10 malam itu memberikan tumpuan kepada aktiviti berkaitan pertanian dan keterjaminan makanan, Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) serta kesejahteraan rakyat, selain pelbagai perkhidmatan disediakan agensi kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Selangor.

Majlis penutupan program akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim petang ini dan dijangka turut dihadiri kepimpinan tertinggi kerajaan Persekutuan dan negeri.



## Program Pembangunan Usahawan diteruskan bagi memperkasa wanita Sarawak: Fatimah

© 2024-02-25T17:09:22+08:00



Fatimah (tiga kiri) menyampaikan geran KIRWaS kepada salah seorang penerima di Dalat, hari ini.

SIBU: Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti meneruskan Program Pembangunan Usahawan bagi memperkasa wanita Sarawak.

Menterinya Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, program melalui Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) itu merangkumi taklimat, latihan kemahiran dan bantuan perniagaan seperti Jelajah Kerjaya Wanita Sarawak, Bantuan Ketua Isi Rumah Wanita Sarawak (KIRWaS) dan Geran Modal Pemerksaan Wanita Sarawak.

"Pelaksanaan program-program ini mengupayakan wanita Sarawak dengan modal perniagaan untuk terlibat dalam bidang keusahawanan sekali gus meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor ekonomi," katanya pada Majlis Penyerahan Geran Modal Pemerksaan Wanita Sarawak Bagi Daerah Dalat di sini hari ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat itu berkata, sejak 2022 Jelajah Kerjaya Wanita Sarawak dilaksanakan di Kuching, Betong, Dalat dan Miri.

"Sebanyak sembilan siri Jelajah Pemerksaan Wanita dan tiga Sesi Libat Urus Bersama Wanita dilaksanakan oleh JWKS melibatkan seramai 1,136 ahli NGO bagi menyampaikan maklumat mengenai perkhidmatan JWKS.

"Impak jangka panjang Program Jelajah Kerjaya Wanita Sarawak dari segi kedudukan ekonomi wanita di Sarawak adalah memastikan perniagaan diceburi diuruskan dengan baik dan berdaya tahan," jelasnya.

Beliau juga memberitahu, seramai 1,218 usahawan wanita menerima bantuan Ketua Isi Rumah Wanita (KIRWaS) sejak 2022 dan daripada jumlah itu seramai tujuh usahawan wanita adalah dari daerah Mukah dan Dalat.

Menurutnya, bantuan KIRWaS adalah berbentuk tunai RM500 kepada ibu tunggal atau ketua isi rumah wanita yang layak.

"Sukacita dimaklumkan bantuan itu diteruskan tahun ini dengan peruntukan berjumlah RM300,000 bagi memberi manfaat kepada 600 penerima baharu seluruh Sarawak," katanya.

Bagi Geran Modal Pemerksaan Wanita Sarawak berjumlah RM2,000 diberi secara 'one-off', beliau berkata seramai 40 usahawan wanita di Mukah menerima peralatan sejak awal Januari tahun ini daripada jumlah keseluruhan penerima seramai 1,274 orang.

Daripada jumlah tersebut, seramai 18 usahawan wanita adalah dari daerah Dalat.

"Pelaksanaan Geran Modal Pemerksaan Wanita Sarawak melibatkan kolaboratif antara JWKS dan Rakan Strategik kalangan NGO Sarawak.

"Terima kasih saya ucapkan kepada Persatuan Ibu Tunggal Sarawak (PITSA) Cawangan Dalat kerana sudi menjadi rakan strategik bagi pelaksanaan inisiatif ini untuk daerah Dalat," jelasnya.



# Wanita PBB diingatkan kekal fokus dalam perjuangan

© 2024-02-25T20:12:04+08:00

Ahli PBB harus ambil iktibar daripada kejatuhan UMNO, tidak leka meskipun sokongan rakyat terhadap PBB kuat



Fatimah (dua kiri) bersama ahli-ahli Wanita PBB yang lain serta ADUN Demak Laut Datuk Dr Hazland Abang Hipni (kiri) mengibarkan bendera GPS.

KUCHING: Ketua Pergerakan Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Dato Sri Fatimah Abdullah mengingatkan ahlinya agar kekal fokus dalam perjuangan mereka.

Mengambil contoh parti UMNO, sebuah parti besar namun akhirnya tumbang, Fatimah berkata ahli-ahli PBB harus mengambil iktibar daripada perkara ini dan tidak leka meskipun sokongan rakyat terhadap PBB adalah kuat.

Sebab itu katanya, Wanita PBB mengadakan Program Sarawak Kita Empun (SKE) di semua cawangannya dengan tujuan berkongsi mengenai senario politik di negara ini pada masa ini.

"Di peringkat persekutuan, kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) bersama membentuk Kerajaan Perpaduan.

"Tetapi di peringkat negeri, senarionya berbeza di mana parti DAP, PKR adalah pembangkang.

"Ini harus diketahui oleh ahli-ahli PBB supaya kita tidak mudah diperkotak-katikkan," katanya ketika berucap menanggungkan program SKE Cawangan N.5 Demak Laut di Wisma SABATI di sini hari ini.


Pada program itu, Fatimah mewakili Wanita PBB turut merakamkan kesedihan atas pemergian Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud, bekas pemimpin PBB yang hebat.

"Kami Wanita PBB juga sangat berterima kasih kepada beliau kerana sangat menghargai peranan wanita.

"Beliau juga bertanggungjawab membawa saya dan beberapa pemimpin wanita lain dalam parti seterusnya menjadi wakil rakyat," katanya.

Dalam pada itu selain berkongsi mengenai senario politik semasa, program SKE turut menekankan perancangan kerajaan membangunkan negeri melalui Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030.

Program SKE itu juga adalah yang pertama tahun ini dan akan diteruskan ke semua cawangan PBB di seluruh Sarawak.



## PEWARIS perkasa golongan wanita dalam aspek ekonomi, pendidikan - Ahmad Zahid

Bernama

Februari 25, 2024 20:15 MYT



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi (tengah) merasmikan program Penggerak Wanita RISDA (PEWARIS) hari ini. - Foto BERNAMA

**CYBERJAYA:** Penggerak Wanita RISDA (PEWARIS) yang dilancarkan hari ini mampu memperkasakan golongan wanita khususnya dalam aspek ekonomi dan pendidikan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah itu berkata program berkenaan, yang diperkenal oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), akan mengubah landskap pemikiran wanita untuk lebih berdaya saing.

Beliau turut mengingatkan semua pihak supaya menerapkan budaya kerja berpasukan dan tidak bergerak secara silo dalam usaha memperkasakan golongan wanita atau yang membabitkan isu lain.

"Apabila kita bergerak sebagai satu pasukan yang besar, kita perlu ketepikan pemikiran secara silo dan kita ketepikan perkara remeh," katanya.

Pada sidang media selepas majlis itu, Ahmad Zahid berkata PEWARIS adalah kesinambungan kepada jawatan pegawai seranta RISDA yang dijenamakan semula.

"Peranan mereka diperluas kepada bidang ekonomi dan pendidikan," katanya.

Hari ini, RISDA melantik 194 PEWARIS membabitkan seorang ketua, 12 penyelaras peringkat negeri dan 181 ahli di seluruh negara.

Menurut kenyataan RISDA sempena pelancaran program itu, penubuhan PEWARIS adalah antara kaedah dalam menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Sementara itu, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara berkata program membabitkan golongan wanita mendapat sambutan baik serta ramai membuat pilihan berdasarkan keinginan mereka.

Justeru, beliau yakin sasaran 150,000 peserta dalam program TVET khusus untuk wanita yang dikenali sebagai TVET@JELITA (Job Empowerment by Learning and Inclusive Technical Advancement) menjelang 2027 dapat dijayakan.

"Saya fikir kursus yang ditawarkan itu bersesuaian dengan kehendak pasaran dan sesuai dengan usaha mewujudkan lebih ramai usahawan wanita dalam bidang perniagaan," katanya.



## 'Ibu ayam' melacurkan kanak-kanak masih disiasat, reman 7 hari

Raja Noraina Raja Rahim  
noraina@hmetro.com.my



LAPORAN terdahulu Harian Metro

Kuala Lumpur: Polis masih menjalankan siasatan terhadap seorang wanita mengenai peranannya sebagai 'ibu ayam' termasuk kemungkinan terdapat kanak-kanak lain yang dijadikan mangsa eksploitasi seks.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat Superintendan Ahmad Ridhwan Mohd Nor@Saleh berkata, siasatan dijalankan oleh pasukan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ).

Beliau berkata, wanita berusia 56 tahun terbabit dalam tahanan reman selama tujuh hari bermula Jumaat lalu sehingga 29 Februari ini.

Katanya, turut direman adalah dua pelacur wanita warga Indonesia masing-masing berusia 57 dan 45 tahun.

"Siasatan masih dijalankan untuk mengetahui lebih lanjut pembabitian suspek dalam kegiatan haram itu.


"Kanak-kanak perempuan dan seorang wanita yang diselamatkan selepas disyaki dipaksa melacur oleh suspek kini berada di bawah pemantauan polis," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Akhbar ini terdahulu melaporkan seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun terpaksa [melalui detik hitam](#) apabila dipaksa memuaskan nafsu lelaki warga asing hingga tiga kali sehari gara-gara dilacur seorang ibu ayam.

Difahamkan, ibu ayam terbabit disyaki melacurkan kanak-kanak malang itu kepada pekerja warga asing di sekitar sebuah pusat perindustrian di Banting, Kuala Langat dengan bayaran RM150 sejak empat bulan lalu.

Menurut sumber, pelacur kanak-kanak terbabit tidak mempunyai hubungan dengan suspek dan difahamkan mangsa diserahkan di bawah jagaan suspek oleh ibu bapanya.

Katanya, berdasarkan siasatan awal dipercayai kanak-kanak berkenaan anak tidak sah taraf daripada pasangan warga asing.



## 'Pak Dak' tak ngaku cabul, liwat anak saudara dalam pondok

Oleh Alias Abd Rani - Februari 25, 2024 @ 3:02pm  
bhnews@bharian.com.my



Tertuduh dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen atas pertuduhan liwat dan cabul anak saudaranya. - NSTP/Alias Abd Rani

MUAR: Seorang subkontraktor mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan meliwat dan mencabul anak saudaranya dalam dua kejadian di Tangkak, tahun lalu dan awal bulan ini.

Tertuduh berusia 44 tahun yang didakwa atas dua pertuduhan, membuat pengakuan itu selepas kesemua pertuduhan dibaca jurubahasa di hadapan Hakim Irwan Suaibon.

Mengikut pertuduhan pertama, bapa kepada enam anak itu didakwa melakukan perbuatan bertentangan dengan aturan tabii dengan meliwat anak saudara perempuan berusia sembilan tahun dalam sebuah pondok berdekatan rumahnya di Tangkak, 11 pagi, 9 Februari lalu.

Bagi pertuduhan ini, dia didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan iaitu pemejaraan tidak melebihi 20 tahun dan juga boleh dikenakan sebatan.

Pertuduhan kedua pula, dia didakwa melakukan amang seksual terhadap mangsa sama di rumah tertuduh, pada jam 9 malam, Mac tahun lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama.

Seksyen ini memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh dikenakan hukuman sebatan.

Berdasarkan laporan, kejadian berlaku ketika ibu mangsa curiga selepas anaknya itu tidak mahu lagi ke rumah tertuduh yang juga adik ipar wanita itu.

Sebelum ini, wanita terbabit kerap menghantar mangsa ke rumah tertuduh di Tangkak setiap kali cuti persekolahan memandangkan mereka mempunyai pertalian kekeluargaan dengan isteri lelaki itu.

Namun, pada hari kejadian, mangsa memberitahu dia enggan ke rumah bapa saudaranya yang dipanggil 'Pak Dak', menyebabkan ibunya curiga dan mengesyaki ada sesuatu tidak kena.

Selepas didesak, mangsa akhirnya memberitahu tertuduh melakukan perbuatan terkutuk terhadapnya.

Satu laporan polis dibuat di Balai Polis Sungai Mati pada 17 Februari lalu sekali membolehkan tertuduh ditahan pada hari sama.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa, Asisten Superintendan Mohammad Zuwairi Md Noor, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM15,000 bagi kedua-dua pertuduhan namun gagal membayarnya sebelum dihantar ke Pusat Koreksional Muar dan menetapkan 26 Mac ini untuk sebutan semula serta lantikan peguam.



## Suami isteri ditahan, bancuh susu bayi dengan air syabu

Oleh Nor Azidah Mokhtar - Februari 25, 2024 @ 2:48pm  
bhnews@bh.com.my



- Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Khayal akibat pengambilan dadah, menyebabkan sepasang suami isteri nyaris hampir menyebabkan kematian bayi lelaki mereka selepas tersalah membancuh susu dengan cecair syabu.

Kejadian berlaku di kediaman pasangan terbabit di sebuah flat dekat Taman Medan, Petaling Jaya di sini, pada 19 Februari lalu.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Shahrulnizam Jaafar@Ismail, berkata polis menerima maklumat kejadian selepas menerima aduan daripada pihak Hospital Kajang pada 20 Februari lalu.

Beliau berkata, kejadian menimpa bayi lelaki berusia 16 bulan itu disedari nenek bayi berkenaan yang menjaganya pada hari kejadian.

"Difahamkan, pasangan suami isteri terbabit menghantar bayi mereka untuk dijaga neneknya yang tinggal di Seri Kembangan dan ketika dalam jagaan wanita berusia 55 tahun itu, bayi itu tidak berhenti menangis.

"Bayi itu juga menjadi terlalu aktif dan sukar dikawal, menyebabkan wanita itu bertanya kepada ibu bayi berkenaan punca cucunya itu berkelakuan pelik.

"Ibu bayi itu kemudian mengaku tersilap membancuh susu bayi berkenaan menggunakan air syabu milik suaminya," katanya kepada BH, hari ini.

Susulan itu, Shahrulnizam berkata, pihaknya menahan suami isteri terbabit, masing-masing berusia 34 dan 40 tahun di kediaman mereka pada 20 Februari lalu untuk membantu siasatan.

"Ujian saringan awal air kencing dilakukan terhadap kedua-dua suspek menunjukkan mereka positif dadah.

"Semakan mendapati suspek lelaki yang bekerja sebagai penjual air balang mempunyai rekod berkaitan kes dadah," katanya.

Dalam pada itu, katanya bayi malang terbabit kini berada dalam pemantauan pihak Hospital Kajang dan keadaannya dilaporkan stabil.

Shahrulnizam berkata, kedua-dua suspek direman selama tujuh hari untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak Kanak 2001.



## Bayi minum susu dibancuh cecair syabu pulih, dalam jagaan nenek

Raja Noraina Raja Rahim  
noraina@hmetro.com.my



Petaling Jaya: Bayi malang yang tersilap diberi minum susu dibancuh dengan cecair syabu sudah dibenarkan keluar hospital, semalam.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisioner Shahrulnizam Jaafar@Ismail berkata, pemeriksaan kesihatan mendapati bayi lelaki berusia setahun empat bulan itu stabil.

"Bayi sudah discaj dari Hospital Kajang semalam (Sabtu) dan kini dalam jagaan neneknya.

"Keadaan bayi sudah pulih," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Akhbar ini terdahulu melaporkan, suami isteri yang sedang khayal dadah diberkas polis selepas tersilap membancuh susu bayi mereka menggunakan cecair dadah syabu.

Kejadian yang hampir meragut bayi pasangan itu berlaku di flat didiami di Taman Medan, di sini, 19 Februari lalu.


Difahamkan bayi lelaki itu dihantar suami isteri terbabit kepada neneknya berusia 55 tahun yang tinggal di Seri Kembangan pada hari kejadian.

Semasa dalam jagaan neneknya, mangsa tidak berhenti menangis, terlalu aktif dan sukar dikawal lalu wanita itu bertanya kepada ibu mangsa yang mengakui tersilap membancuh susu bayi menggunakan air syabu milik suaminya.

Susulan itu, polis menahan suami isteri berusia 34 dan 40 tahun bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak Kanak 2001.

Mengulas lanjut, Shahrulnizam berkata, pihaknya akan merujuk kes berkenaan kepada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor pada esok, untuk arahan lanjut sama ada sambung reman atau sebaliknya.

Katanya, tempoh reman pasangan terbabit akan tamat pada Selasa ini.



TAJUK : 'TANGANI ISU RAKYAT SEBAIK MUNGKIN'

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 FEB 2024

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# 'Tangani isu rakyat sebaik mungkin'

Ahli Parlimen kerajaan diingat jaga tingkah laku, perlu berhujah secara berfakta

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Suraya Ali  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Putrajaya:** Ahli Parlimen Kerajaan Perpaduan akan memberi tumpuan kepada isu berkepentingan rakyat pada persidangan Parlimen yang bermula hari ini. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, ia selaras nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada sesi taklimat prapertemuan Dewan Rakyat di Seri Perdana, di sini semalam yang dihadiri anggota Ka-

binet, timbalan menteri serta Ahli Parlimen kerajaan.

Katanya, Anwar turut berpesan supaya pada 2024 dan tahun seterusnya, Kerajaan MADANI harus menangani isu rakyat dengan baik dan membabitkan apa jua perkara, baik isu perundangan, bekalan makanan atau prestasi mata wang.

"Ini harus diperjelaskan dan usaha-usaha yang baharu harus dilakukan," katanya yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah kepada pemberita selepas merasmikan Program Penggerak Wanita RISDA di Cyberjaya, dekat sini semalam.

Ahmad Zahid memberi contoh, usaha baharu itu seperti kejayaan menarik pelaburan RM329.5 bilion yang akan mewujudkan banyak peluang kerja, menambah eksport negara dan seterusnya dapat menangani prestasi ringgit.

Khamis lalu, Perdana Menteri mengumumkan Malaysia mencatatkan jumlah pelaburan dilulus-



Ahmad Zahid bersama Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dan Pengerusi RISDA, Manndzri Nasib pada Majlis Perasmian Program Penggerak Wanita RISDA di Cyberjaya, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

kan tertinggi dalam sejarah negara, iaitu RM329.5 bilion pada 2023, meningkat 23.0 peratus daripada 2022. Ia membabitkan 5,101 projek dan berpotensi mewujudkan lebih 127,000 peluang pekerjaan.

Pada persidangan Parlimen nanti, Ahmad Zahid berkata, Anwar juga mahu Ahli Parlimen kerajaan berhujah dengan lebih berfakta dan perbincangan lebih berdasarkan kajian yang akan memberikan imej lebih baik, bukan sahaja kepada mereka, tetapi juga kerajaan.

"Kita tahu pembangkang pastinya akan membangkitkan banyak isu lama dan baharu, tetapi kita akan tangani dengan sebaik-baiknya. Terdapat beberapa isu dan rang undang-undang (RUU) baharu yang harus disantuni Ahli Parlimen.

"Harapan Perdana Menteri adalah Ahli Parlimen Kerajaan Perpaduan akan berhujah dengan lebih berfakta dan lebih berdasarkan bahan kajian," katanya.

## Jaga kehadiran, tingkah laku

Sementara itu, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, Perdana Menteri turut mengingatkan semua Ahli Parlimen Kerajaan Perpaduan menjaga kehadiran dan mengurangkan kerenah sepanjang persidangan, selain memastikan perbincangan terbaik, berkualiti dan berbasas.

Katanya, pada sesi turut diisi taklimat perjalanan persidangan Parlimen oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said

itu, Anwar juga mahu Ahli Parlimen kerajaan jaga tingkah laku dan bentang perbincangan terbaik serta berbasas.

"Perdana Menteri turut nasihatkan semua Ahli Parlimen untuk menjaga tingkah laku masing-masing sepanjang persidangan, jaga kehadiran, kurangkan kerenah. Jaga perbincangan masing-masing dan perbincangan mestilah yang terbaik dan berbasas," katanya ketika dihubungi BH.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail pula memaklumkan, Perdana Menteri mahu semua Ahli Parlimen kerajaan menyertai perbincangan dengan persiapan rapi, memberi tumpuan kepada isu berkepentingan rakyat, selain memainkan peranan semak danimbang.



TAJUK : BAYI NYARIS MAUT IBU BANCUH SUSU CAMPUR CECAIR SYABU

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 FEB 2024

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

16

Nasional



# Bayi nyaris maut ibu bancuh susu campur cecair syabu

## Suami isteri ditahan selepas aduan pihak hospital

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Khayal akibat pengambilan dadah, sepasang suami isteri nyaris menyebabkan kematian bayi lelaki mereka selepas tersalah membancuh susu dengan cecair syabu.

Kejadian berlaku di kediaman pasangan terbabit di sebuah flat dekat Taman Medan, Petaling Jaya, di sini, pada 19 Februari lalu.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Shahrulnizam Jaafar, berkata polis menerima maklumat kejadian selepas menerima aduan daripada

pihak Hospital Kajang pada 20 Februari lalu.

Beliau berkata, kejadian menimpa bayi lelaki berusia 16 bulan itu disedari nenek bayi berkenaan yang menjaganya pada hari kejadian.

"Difahamkan, pasangan suami isteri terbabit menghantar bayi mereka untuk dijaga neneknya yang tinggal di Seri Kembangan dan ketika dalam jagaan wanita berusia 55 tahun itu, bayi itu tidak berhenti menangis.

"Bayi itu juga menjadi terlalu aktif dan sukar dikawal, menyebabkan wanita itu bertanya kepada ibu bayi berkenaan punca cucunya itu berkelakuan pelik.

"Ibu bayi itu kemudian mengaku tersilap membancuh susu bayi berkenaan menggunakan air syabu milik suaminya," katanya kepada *BH*, semalam.

Susulan itu, Shahrulnizam

berkata, polis menahan suami isteri terbabit, masing-masing berusia 34 dan 40 tahun di kediaman mereka pada 20 Februari lalu untuk membantu siasatan.



Shahrulnizam Jaafar


**Kena reman  
tujuh hari**

"Ujian saringan awal air kencing dilakukan terhadap kedua-dua suspek menunjukkan mereka positif dadah.

"Semakan mendapati suspek lelaki yang bekerja sebagai penjual air balang mempunyai rekod berkaitan kes dadah," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, bayi malang terbabit sudah dibenarkan keluar hospital dan stabil.

Shahrulnizam berkata, kedua-dua suspek direman selama tujuh hari untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak Kanak 2001.



TAJUK : SIASAT BUDAK LAIN JADI MANGSA

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 FEB 2024

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## BUDAK 11 TAHUN DIPAKSA MELACUR

# Siasat budak lain jadi mangsa

**Kuala Lumpur:** Polis masih menjalankan siasatan terhadap seorang wanita mengenai peranannya sebagai 'ibu ayam' termasuk kemungkinan terdapat kanak-kanak lain yang dijadikan mangsa eksploitasi seks.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat Superintendan Ahmad Ridhwan Mohd Nor@Saleh berkata, siasatan dijalankan oleh pasukan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ).  
Be-

liau berkata, wanita berusia 56 tahun terbabit dalam tahanan reman selama tujuh hari bermula Jumaat lalu sehingga 29 Februari ini.

Katanya, turut direman dua pelacur wanita warga Indonesia masing-masing berusia 57 dan 45 tahun.

"Siasatan masih dijalankan untuk mengetahui lebih lanjut pembabitkan suspek dalam kegiatan haram itu.

"Kanak-kanak perempuan dan seorang wanita yang diselamatkan selepas


disyaki dipaksa melacur oleh suspek kini berada di bawah pemantauan polis," katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Akhbar ini terdahulu melaporkan seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun terpaksa melalui detik hitam apabila dipaksa memuaskan nafsu lelaki warga asing hingga tiga kali sehari gara-gara dilacur seorang ibu ayam.

Difahamkan, ibu ayam terbabit disyaki melacurkan kanak-kanak malang itu kepada pekerja warga asing.

Turut direman  
dua pelacur warga  
Indonesia berusia  
57 dan 45 tahun





TAJUK : 2 HELD AFTER BABY GIVEN METH-LACED MILK

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 26 FEB 2024

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## CRYING BABY

# 2 HELD AFTER BABY GIVEN METH-LACED MILK

Couple were high on drugs when they mixed formula milk with drug

NURUL HIDAYAH BHAUDIN  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**A** HUSBAND and wife under the influence of drugs were arrested by police after mistakenly mixing their baby's formula milk with liquid methamphetamine.

The incident, which nearly claimed the baby's life, occurred at a flat in Taman Medan here on Feb 19.

District police chief Assistant Commissioner Shahrulnizam Ja-

far @ Ismail said they received information about the incident from Kajang Hospital staff on Feb 20.

"The 16-month-old baby was sent by the couple to his 55-year-old grandmother's house in Seri Kembangan on the day of the incident.

"While under the care of his grandmother, the baby did not stop crying, was overly active, and difficult to control. The woman asked the mother of the baby about the cause of the baby's strange behaviour.

"The 34-year-old mother admit-

ted to mistakenly mixing the baby's milk with methamphetamine belonging to her 40-year-old husband."


As a result, said Shahrulnizam, police detained the husband and wife at their home in Taman Medan on Feb 20.

"The urine test conducted on both suspects found them positive for drugs.

"The male suspect, who works as a drink seller at a stall, has a record related to drug cases."

Shahrulnizam said the baby was under observation at Kajang Hospital and reported to be in stable condition.

"Both suspects have been remanded for seven days for further investigation."



TAJUK : 'PEWARIS TO EMPOWER WOMEN IN ECONOMIC, EDUCATIONAL ASPECTS'

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 26 FEB 2024

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## 'Pewaris to empower women in economic, educational aspects'

**CYBERJAYA:** The Penggerak Wanita Risda (Pewaris) programme launched yesterday will be able to empower women, particularly in economic and educational aspects, says Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid, who is also Minister of Rural and Regional Development, said the programme introduced by the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Risda) would transform the mindset of women to be more competitive.

"Pewaris will become a new group that can bring about significant waves. It is the main catalyst for the change that will be implemented," he said when launching Pewaris here.

Ahmad Zahid also reminded all parties to adopt a culture of teamwork and avoid working in silos in empowering women or addressing other issues.

"When we move as a big team, we need to set aside silo thinking and trivial matters," he said.


In a press conference after the ceremony, he said Pewaris was a continuation of the Risda liaison officer position, which had been rebranded.

Their role has been expanded to the economic and educational fields, he added.

Meanwhile, regarding the Technical and Vocational Education and Training (TVET) programme involving women, Ahmad Zahid, who is also chairman of the National TVET Council Committee, said the programme was well received and many managed to choose the fields they wished to join.

He also expressed confidence that the target of 150,000 participants by 2027 for the TVET programme specifically for women, known as TVET@Jelita, could be achieved.

— Bernama



TAJUK : **NGOS PRESENT GOODIES TO 100 CHILDREN AND FOOD ASSISTANCE TO NEEDY FAMILIES**

HARI : **ISNIN**

AKHBAR : **THE BORNEO POST**

TARIKH : **26 FEB 2024**

M/SURAT : **03**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Home

## NGOs present goodies to 100 children and food assistance to needy families

**KUCHING:** A group of non-governmental organisations (NGOs) came together yesterday to present some contributions to around 100 children from areas around Kampung Stutong here.

The Lions Club of Kuching Ixora, Lions Club of Kuching Stampin-Pending, Lions Club of Kuching Metro, Lions Club of Kuching Oriental, Lions Club of Kuching Kota Sentosa, Lions Clubs of Kuching Centennial, Lions Club of Kuching Hornbill, Lions Club of Kuching One Earth and Kelab Rekreasi Wanita Bersatu joined hands in organising the 'Make the World of Difference' Community Service Project, which saw the young recipients receiving goodies such as food, spectacles, toothbrush and toothpaste.

The children were also treated to a story-telling session as well as hygiene session which saw dental therapists from Kuching Division Dental Office guiding them on the importance of brushing their teeth.

Lions Club International 308 A2 district governor Kapitan Ronny Hiew said Lions Club members never fail to recognise the needs of the community.

"We serve with a purpose and we are coming together to identify and serve global causes which cover several areas of needs namely diabetes, vision, hunger, environment,



Hiew (back row, third left), Ellis (back row, second right), Ling (back row, third right), and Lai (back row, second left) in a group photo with some of the young recipients. — Photo by Roystein Emmor

childhood cancer, disaster relief, humanitarian efforts, and youth.

"Lions support young people so that they can make positive choices, lead healthy and product lives.

"The giving of food aid and teaching the children on hygiene by the joint clubs today fulfil the feed the hunger programme and education on basic healthcare for the children," he said at the event held at Kampung Lubok Buang Hall.

He said Lions must continue to organise and implement more educational programmes to develop the communication and presentation skills of children while also boost their self-confidence and self-esteem.

"Another good example is to organise learning activities by giving them a topic on problem solving which will be able to stimulate their critical thinking and to come up with a solution to resolve their problem," Hiew

added.

At the event, the organisers also handed over 50 sets of food aid to needy families as well donated books gathered from Leo Club of Fame International College and Leo Club of SMK Jalan Arang to Taman D'everglades Library.

Also present were Lions Club International past international director Datin Ellis Suriyati Omar, Lions Club Kuching Ixora president Ling Ngar Yieng and Penghulu Lai Boon Khee.



TAJUK : PBB WOMEN CHIEF CALLS FOR ALL MEMBERS TO STAY UPDATED ON CURRENT POLITICAL SITUATION

HARI : ISNIN AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 26 FEB 2024 M/SURAT : 02

TONE : POSITIF SEKTOR : KPWKM



(Front row, from seventh left) Dr Hazland, Fatimah, Rohani, Sharifah Hasidah and party members pose for a group photo.

## PBB Women chief calls for all members to stay updated on current political situation

**KUCHING:** Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Women members must stay alert of the current political situation and Sarawak government's development direction, said its chief Dato Sri Fatimah Abdullah.

The Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister said all grassroots members must be kept well-informed about the party's decisions and not be complacent with the huge support given by voters in past elections.

"We have to understand that we cannot be careless or complacent about the present situation. We have seen big political parties such as Umno that were dominant (at the national level) for so long just to collapse and lose their influence,"

she said during a PBB programme at Wisma Sabati, Jalan Bako here yesterday.

She also took aim at recent news reports concerning no representatives from the state Gabungan Parti Sarawak (GPS) coalition being appointed to the visitor's board of a hospital, despite members from other political parties being appointed.


During the programme, Fatimah highlighted the unique political landscape being witnessed in the country where some political parties are part of the unity government supported by GPS at the federal level, but remained as the Opposition at the state level.

Nonetheless, she hoped all PBB party members would

continue promoting the various initiatives and policies of the state government to uplift the standard of living of Sarawakians, while championing social inclusivity and environmental sustainability.

Fatimah also thanked the late Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud, who was former Yang di-Pertua Negeri, for placing his trust and confidence in women to take up leadership roles in the government.

Also present were Deputy Minister of Energy and Environmental Sustainability Minister Datuk Dr Hazland Abang Hipni, Sarawak de facto law minister Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali, and former Batang Lupar MP Dato Sri Rohani Abdul Karim.



TAJUK : WOMEN ENTREPRENEURS IN DALAT, MUKAH DISTRICTS RECEIVE EMPOWERMENT GRANT

HARI : ISNIN


AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 26 FEB 2024

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Fatimah (centre) presents a mock cheque for RM500 to the recipient of KIRWas, while others look on.

## Women entrepreneurs in Dalat, Mukah districts receive empowerment grant

**SIBU:** Thirty-eight women entrepreneurs in the Dalat and Mukah districts have each received RM2,000 under the Women's Empowerment Grant from the Minister for Women, Childhood, and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah.

The one-off grant, she said, was given to help single mothers or female heads of households with business capital, as well as for this targeted group to generate their own income.

"With the implementation of this programme, these recipients can be actively involved in entrepreneurship and participate

in the state's economic sector," she added.

Fatimah, who is Dalat assemblywoman, said this at the grant presentation ceremony for the Dalat district at Bazarnita Fatima in Dalat, near Mukah yesterday.

"The entrepreneurial development programme includes briefings, skills training, as well as the provision of financial assistance through the Sarawak Women Head of Household Assistance (KIRWaS), and Sarawak Women's Empowerment Capital Grant.

According to her, a total of 1,218 female entrepreneurs throughout

the state have received assistance from KIRWas since 2022, and out of that number, they had only seven recipients from Mukah and Dalat.

"For the Sarawak Women's Empowerment Capital Grant, a total of 40 women entrepreneurs from the Mukah division received their business equipment early January this year.

"Out of that number, 18 entrepreneurs were from Dalat," Fatimah said, while expressing her hope for more local female participation in entrepreneurship and also for the recipients to utilise the grant to advance their businesses.



TAJUK :	PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN DITERUSKAN BAGI MEMPERKASA WANITA SARAWAK: FATIMAH		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	26 FEB 2024	M/SURAT :	05
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Program Pembangunan Usahawan diteruskan bagi memperkasa wanita Sarawak: Fatimah

**SIBU:** Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti meneruskan Program Pembangunan Usahawan bagi memperkasa wanita Sarawak.

Menterinya Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, program melalui Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) itu merangkumi taklimat, latihan kemahiran dan bantuan perniagaan seperti Jelajah Kerjaya Wanita Sarawak, Bantuan Ketua Isi Rumah Wanita Sarawak (KIRWaS) dan Geran Modal Pemerkaasaan Wanita Sarawak.

“Pelaksanaan program-program ini mengupayakan wanita Sarawak dengan modal perniagaan untuk terlibat dalam bidang keusahawanan sekali gus meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor ekonomi,” katanya pada Majlis Penyerahan Geran Modal Pemerkaasaan Wanita Sarawak Bagi Daerah Dalat di sini semalam.

Ahli Dewan Undangan



**GERAN:** Fatimah (tiga kiri) menyampaikan geran KIRWaS kepada salah seorang penerima di Dalat, semalam.

Negeri (ADUN) Dalat itu berkata, sejak 2022 Jelajah Kerjaya Wanita Sarawak dilaksanakan di Kuching, Betong, Dalat dan Miri.

“Sebanyak sembilan siri Jelajah Pemerkaasaan Wanita dan tiga Sesi Libat Urus Bersama Wanita dilaksanakan oleh JWKS melibatkan seramai 1,136 ahli NGO bagi menyampaikan maklumat

mengenai perkhidmatan JWKS.

“Impak jangka panjang Program Jelajah Kerjaya Wanita Sarawak dari segi kedudukan ekonomi wanita di Sarawak adalah memastikan perniagaan diceburi diuruskan dengan baik dan berdaya tahan,” jelasnya.

Beliau juga memberitahu, seramai 1,218 usahawan

wanita menerima bantuan Ketua Isi Rumah Wanita (KIRWaS) sejak 2022 dan daripada jumlah itu seramai tujuh usahawan wanita adalah dari daerah Mukah dan Dalat.

Menurutnya, bantuan KIRWaS adalah berbentuk tunai RM500 kepada ibu tunggal atau ketua isi rumah wanita yang layak.

“Sukacita dimaklumkan bantuan itu diteruskan tahun ini dengan peruntukan berjumlah RM300,000 bagi memberi manfaat kepada 600 penerima baharu seluruh Sarawak,” katanya.

Bagi Geran Modal Pemerkaasaan Wanita Sarawak berjumlah RM2,000 diberi secara ‘one-off’, beliau berkata seramai 40 usahawan wanita di Mukah menerima peralatan sejak awal Januari tahun ini daripada jumlah keseluruhan penerima seramai 1,274 orang.

Daripada jumlah tersebut, seramai 18 usahawan wanita adalah dari daerah Dalat.

“Pelaksanaan Geran Modal Pemerkaasaan Wanita Sarawak melibatkan kolaborasi antara JWKS dan Rakan Strategik kalangan NGO Sarawak.

“Terima kasih saya ucapkan kepada Persatuan Ibu Tunggal Sarawak (PITSA) Cawangan Dalat kerana sudi menjadi rakan strategik bagi pelaksanaan inisiatif ini untuk daerah Dalat,” jelasnya.



TAJUK : WANITA PBB DIINGATKAN KEKAL FOKUS DALAM PERJUANGAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 26 FEB 2024

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Wanita PBB diingatkan kekal fokus dalam perjuangan

Ahli PBB harus ambil iktibar daripada kejatuhan UMNO, tidak leka meskipun sokongan rakyat terhadap PBB kuat

Oleh Agnes Tugong

**KUCHING:** Ketua Pergerakan Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Dato Sri Fatimah Abdullah mengingatkan ahlinya agar kekal fokus dalam perjuangan mereka.

Mengambil contoh parti UMNO, sebuah parti besar namun akhirnya tumbang, Fatimah berkata ahli-ahli PBB harus mengambil iktibar daripada perkara ini dan tidak leka meskipun sokongan rakyat terhadap PBB adalah kuat.

Sebab itu katanya, Wanita PBB mengadakan Program Sarawak Kita Empun (SKE) di semua cawangannya dengan tujuan berkongsi mengenai senario politik di negara ini pada masa ini.

“Di peringkat persekutuan, kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) bersama membentuk Kerajaan Perpaduan.

“Tetapi di peringkat negeri, senarionya berbeza di mana parti DAP, PKR adalah pembangkang.

“Ini harus diketahui oleh ahli-ahli PBB supaya kita tidak mudah diperkotak-katikkan,” katanya ketika berucap menanggungkan program SKE Cawangan N.5 Demak Laut di Wisma SABATI di sini semalam.



**BERSATU:** Fatimah (dua kiri) bersama ahli-ahli Wanita PBB yang lain serta ADUN Demak Laut Datuk Dr Hazland Abang Hipni (kiri) mengibarkan bendera GPS.

“Di peringkat persekutuan, kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) bersama membentuk Kerajaan Perpaduan.”

**Dato Sri Fatimah Abdullah**

*Ketua Pergerakan Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB)*

Pada program itu, Fatimah mewakili Wanita PBB turut merakamkan kesedihan atas pemergian Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud, bekas pemimpin PBB yang hebat.

“Kami Wanita PBB juga

sangat berterima kasih kepada beliau kerana sangat menghargai peranan wanita.

“Beliau juga bertanggungjawab membawa saya dan beberapa pemimpin wanita lain dalam parti seterusnya

menjadi wakil rakyat,” katanya.

Dalam pada itu selain berkongsi mengenai senario politik semasa, program SKE turut menekankan perancangan kerajaan membangunkan negeri melalui Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030.

Program SKE yang berlangsung semalam juga adalah yang pertama tahun ini dan akan diteruskan ke semua cawangan PBB di seluruh Sarawak.